

29 JUN 2000

Mahathir-Indonesia

M'SIA MAHU JAKARTA BERI PENJELASAN ISU TANGKAPAN RAKYAT MALAYSIA

SERDANG, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan meminta kerajaan Indonesia memberi penjelasan berhubung penangkapan empat rakyat Malaysia atas dakwaan menjalankan kerja-kerja pembalakan secara haram dekat sempadan Kalimantan, Indonesia.

"Kita nak tahu betulkah atau tidak ... kadang-kadang sempadan tidak ditanda sepanjang jalan jadi mungkin dia terlintas.

"Saya tahu umpamanya sempadan negara kita, orang Thai menanam pokok getah dalam Malaysia. Kajian yang dijalankan menunjukkan ia dibuat dalam kawasan Malaysia ... kita tidak tangkap mereka tetapi beri pampasan untuk suruh mereka keluar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar berhubung penangkapan empat rakyat Malaysia atas dakwaan menjalankan kegiatan pembalakan di kawasan Sematan, kira-kira satu kilometer dari sempadan Indonesia-Malaysia semalam.

Pada 18 Mei lepas, dua rakyat Malaysia ditangkap atas dakwaan melakukan kesalahan membawa masuk jentera berat ke kawasan sempadan Seluas, Bengkayang di Indonesia yang bersempadan dengan Malaysia.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menghalau rakyat Thailand yang didapati mengaut untung daripada penanaman pokok getah dalam kawasan negara ini kerana Malaysia adalah jiran yang baik.

Berhubung penangkapan rakyat Malaysia di Indonesia itu, beliau berkata: "Kita nak tahu apa dia buat dan siapa yang tangkap, Saya tidak berkata apa-apa terhadap Indonesia dan kita tidak mahu melanggar undang-undang," katanya.

Perdana Menteri berkata jika empat lelaki itu didapati berada dalam kawasan Malaysia, maka mereka seharusnya dibebaskan.

Berhubung dengan permintaan kumpulan bersenjata yang masih menahan 20 orang termasuk lapan rakyat Malaysia di Jolo, Filipina, Dr Mahathir berkata setakat ini kerajaan Malaysia tidak tahu apa yang dikehendaki kumpulan itu.

"Tetapi saya tidak mengenyahkan mana-mana opsi, kita harus mengkaji opsi itu," kata beliau.

Mereka diculik dari Pulau Sipadan, Sabah pada 23 April lepas. Setakat ini hanya seorang iaitu rakyat Malaysia Zulkarnian Hashim dibebaskan Sabtu lepas.

-- BERNAMA

ARA ES FAZ